

26/04/1998

Upacara penutup paling unik

UPACARA penutup Sukan Malaysia (Sukma) VII hari ini akan mencipta sejarah unik kerana acara memadam obor kejohanan di Stadium Shah Alam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilakukan dengan mengguna teknik canggih daripada Stadium Tertutup Shah Alam Alam.

Dr Mahathir yang bersetuju menghadiri majlis penutup itu akan menyampaikan hadiah pemenang johan keseluruhan Piala Perdana Menteri, olahragawan dan olahragawati Sukma VII.

Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Abu Hassan Omar pula akan menyerahkan bendera Sukma kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Koh Tsu Koon, selepas itu.

Majlis berkenaan akan terus diceriakan dengan Konsert Mini Siti Nurhaliza - artis popular di Malaysia ketika ini, sejurus selepas majlis penutup berakhir.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola dan Pelaksana Sukma VII, Ch'ng Toh Eng menyifatkan persetujuan Perdana Menteri itu satu penghormatan kepada tuan rumah.

"Sebelum ini, Perdana Menteri menutup majlis di Sarawak. Kali ini, di Selangor pula. Kami sungguh berbesar hati dan bangga," katanya dalam sidang akhbar, semalam.

Ch'ng bagaimanapun menasihatkan peminat datang lebih awal ke Stadium Tertutup Shah Alam Alam hari ini kerana ia hanya boleh memuatkan 7,000 penonton.

"Kapasiti stadium itu ialah 15,000 tapi kami hanya benarkan 7,000 orang masuk kerana faktor keselamatan. Siapa datang awal akan dibenarkan masuk.

"Kalau sudah penuh, mereka akan diarahkan ke Stadium Shah Alam yang turut menjadi gelanggang final acara bola sepak bermula 4.30 petang," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ch'ng berkata, halaman web Sukma VII ([www.sukma7.com.my](http://www.sukma7.com.my)) menerima 74,358 panggilan dengan kadar purata 9,074 setiap hari.

(END)